

Perjalanan UMNO Belum Kemas*



ersidangan Majlis Agung pada kali ini ialah yang penghabisan sekali bagi tahun ini dan boleh juga dikatakan bagi penghabisan dalam pemerintahan Malayan Union. Saya mengambil peluang menyuarakan dengan seberapa ringkasnya hal perjalanan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu dari semenjak mulai didirikan dalam tahun 1946.

Akan sebab-sebab yang mulai menjadikan umat Melayu Semenanjung ini berkumpul dan berunding patut rasanya saya menerangkan oleh sebab tiap-tiap seorang daripada wakil sekalian telah maklum maka terbit daripada rundingan itu telah terisytiharkan pertubuhan ini di Johor Bahru pada bulan Mei 1946.

Adapun pertubuhan ini berdiri dengan kaedah kumpulan badan pertubuhan seumpama persekutuan, persatuan, kesatuan, perikatan, pergerakan, parti dan sebahagian semuanya itu bergabung menjadi ahli-ahli Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu. Akan kaedahnya susunan pertubuhan itu dan susunan anggota-anggotanya tidak payahlah saya huraikan kerana barangkali wakil-wakil sekalian telah mengetahui lebih daripada saya sendiri.

Pada 1 April 1946, pihak kerajaan Inggeris telah mendirikan dalam Semenanjung Tanah Melayu ini sebuah kerajaan Malayan Union dan pemerintahan itu telah berjalan dari hari itu hingga ke hari ini, tetapi dari permulaan berdirinya itu pihak Melayu telah menjalankan ikhtiar dengan mendapat persetujuan Majlis Agung ini. Telah dijalankan perundingan di antara pihak Melayu dengan pihak Inggeris yang mendirikan kerajaan Malayan Union itu sendiri bagi mengadakan kaedah pemerintahan Semenanjung Tanah Melayu ini yang bersesuaian. Saya tak payah rasanya menghuraikannya satu persatu

* Ucapan di Majlis Mesyuarat Agung UMNO di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur pada 26 dan 27 Disember 1947.

persatu perundangan itu melainkan ringkasnya dengan persetujuan tiga pihak iaitu pihak raja-raja, pihak Inggeris dan pihak Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu maka telah ditubuhkan suatu jawatankuasa dengan dinamai Jawatankuasa Kerja Perlembagaan bagi menyusun butir-butir bagi mengadakan peraturan pemerintahan Semenanjung Tanah Melayu ini dengan mengandungi di dalamnya sembilan buah negeri Melayu dan dua buah Negeri-negeri Selat.

Pandangan serta syor-syor Ahli Jawatankuasa Perlembagaan itu telah diterangkan dalam penyata yang dikeluarkan pada akhir bulan Disember tahun 1946.

Cara-cara itu telah menjadi bahasan, pertengkaran dan bantahan yang kuat di seluruh Semenanjung ini sama seperti bantahan dari pihak Melayu di atas perbuatan British mengadakan Malayan Union itu dahulu.

Cara-cara yang tersusun di dalam perlembagaan itu menurut kaedah-kaedah susunan yang dipercayai tidak akan memberi puas hati kepada beberapa pihak dan harus juga kepada pihak Melayu sendiri. Tetapi sungguhpun begitu ahli-ahli pihak Melayu dalam berbagai-bagai jawatankuasa itu telah bekerja dengan bersungguh-sungguh hati menuju kepada maksud kebaikan orang Melayu, iaitu kehendak mengadakan perpaduan di antara negeri-negeri Melayu itu dengan tidak bersaing-saing di antara sebuah dengan sebuah negeri itu.

Tujuan Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja itu bukannya bagi muslihat sesuatu puak atau kaum sahaja. Sungguhpun demikian tujuan kita dan kehendak tiap-tiap seorang Jawatankuasa Kerja itu ialah menurut wasitah perhimpunan ini, akan tetapi adalah tiap-tiap seorang itu berkehendak berdiri bagi kuasa-kuasa yang tertentu baginya. Kehendak itu tidaklah berlainan dengan mengadakan persekutuan di antara negeri-negeri Melayu itu bagi menjalankan kerja-kerja muslihat bagi faedah yang lebih ramai menurut kehendak bersekutu itu. Maka tiap-tiap bahagian yang seumpama itu berkehendak pula peraturan yang bagus-bagus.

Jika ditatap dan tilik daripada cadangan-cadangan jawatankuasa itu, saya percaya wakil-wakil faham bagaimana tujuan itu dapat dihasilkan dengan dapat didirikan sebuah kerajaan bagi seluruh Semenanjung Tanah Melayu yang di dalamnya terkandung semuanya negeri-negeri Melayu.

Saya menguatkan tujuan itu kerana tidak boleh didirikan Perse-

kutuan itu jika sekiranya tiap-tiap negeri yang terkandung di dalamnya itu masih berkehendak berpegang kepada kuasa-kuasa yang dahulu dikatakan ada kepadanya.

Maka menurut keadaan itu tidaklah dapat hendak disatukan negeri-negeri itu dan gerak langkahnya melainkan berdirilah dengan kehendak sendiri, tidak dengan kehendak yang lebih ramai dan lebih besar.

Bantahan perusahaan, sokongan dan bantuan daripada pertubuhan-pertubuhan Melayu daripada wakil-wakilnya dan daripada umat Melayu sendiri di seluruh Semenanjung Tanah Melayu ini telah ternyata dan segala-galanya telah dapat menunjukkan akan mustahaknya menggunakan faedahnya bersatu, berikhtiar dan bermuafakat.

Oleh sebab adanya itu, pihak Melayu telah mengadakan dan telah menjayakan suatu perbuatan yang difikirkan oleh penduduk-penduduk dari bangsa lain dalam negeri ini tidak boleh diperbuat oleh orang Melayu, iaitu memaksakan kerajaan Inggeris membalikkan perintah negeri ini kepada pihak Melayu semula.

Hendaklah tiap-tiap seorang Melayu ingat dan sedar bahawa perkara ini bukan kerana umat Melayu berkumpul berpuluh-puluh ribu ramainya di Kelantan, di Perak, di Kedah, di Johor dan beberapa buah negeri-negeri Melayu dengan membantah dan berseru 'Hidup Melayu' itu telah menjadi tergentar, tergoyang dan terpaksa kerajaan Inggeris itu mengikut kehendak Melayu. Ada banyak faedah-faedah lain, ada banyak perkara-perkara lain yang menjadikan persetujuan kerajaan Inggeris pada menjayakan, mengutamakan dan melebihi faedah Melayu itu. Perkara ini tidak payah saya huraikan kerana barangkali tiap-tiap seorang wakil di sini lebih mengerti dan lebih maklum daripada diri saya sendiri.

Saya percaya wakil-wakil sekalian telah mendengar ada pihak atau puak yang mengatakan apa sebabnya pihak Melayu tidak tuntutan dengan sehabis-habis tuntutan, iaitu mendirikan kerajaan seratus peratus merdeka. Hal ini saya percaya wakil-wakil sekalian telah mengerti sebab-sebabnyalah daripada diri saya sendiri.

Syukurlah rasanya dengan sebab kita telah terkejut daripada kealalaian kita beratus-ratus tahun lamanya, maka telah dapat umat Melayu di Semenanjung ini mula bersatu padu, bermuafakat, berikhtiar, berunding. Sengaja saya guna perkataan ini ialah kerana di hadapan kita ada pekerjaan yang lebih banyak dan lebih berat kepada umat Melayu.

Kita baharu mulai bekerja, berikhtiar dan bermuafakat. Sama ada ikhtiar dalam perusahaan kita ini akan berhasil atau berguna dan boleh menjadi pusaka kepada anak cucu kita adalah bergantung kepada kebolehan wakil-wakil pihak Melayu yang akan menduduki kerusi-kerusi Majlis Mesyuarat Kerajaan yang akan diadakan itu.

Bagaimana saya sendiri selalu berkata umat Melayu hidup dikelilingi oleh merbahaya yang besar-besar di segenap tempat dan merbahaya yang dikatakan akan datang itu sudah pun datang. Segala merbahaya itu tak boleh terhapus dengan sendirinya sahaja melainkan hendaklah kita bersatu niat dan bersatu ikhtiar untuk faedah ramai.

Hendaklah tiap-tiap pertubuhan yang ada di dalam pertubuhan ini dan umat Melayu amnya membuang perasaan yang tidak patut adanya. Sungguhpun telah ada cakap-cakap mengatakan Melayu telah bersatu padu dan bersatu pada segala-galanya tetapi hendaklah diharapkan segala perusahaan dan ikhtiar yang lebih kuat lagi iaitu bersatu padu semata-mata bagi faedah yang lebih besar, yang lebih ramai, bukannya faedah yang teruntuk kepada sesebuah negeri sahaja kepada sesuatu pihak sahaja lebih-lebih kepada diri sendiri sahaja.

Pekerjaan kita baharu mulai. Janganlah dengan sebab memikirkan dalam masa tidak lama lagi akan terdiri dalam Semenanjung Tanah Melayu ini sebuah Persekutuan Tanah Melayu, maka hendaklah kita jangan berfikir pekerjaan kita sudah selesai. Kita baharu menghadap pekerjaan yang besar, kita baharu mencampurkan diri kita kepada pekerjaan besar. Jika kita sedarkan hal itu hendaklah kita bekerja dengan lebih kuat berbantu-bantuan, bertolong-tolongan di antara satu pihak dengan pihak yang lainnya dan di antara seorang dengan seorang lagi dengan niat yang lebih tulus ikhlas daripada yang sudah, kerana dengan itu kelak bangsa kita akan bernafas dan dengan nafas itu kita akan hidup dengan lebih sihat daripada yang telah lalu.

Berkenaan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu ini, saya percaya tiap-tiap seseorang wakil dan tiap-tiap ahli jawatankuasa bagi pertubuhan-pertubuhan yang bersekutu dengannya serta tiap-tiap ahli tahu bagaimana perjalanan pertubuhan ini. Sekadar barangkali masing-masing itu tidak tahu bagaimana dalamnya perjalanan yang sebenarnya Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu pada masa ini, iaitu adakah ini berjalan dengan kemas atau cukup kemas hingga

tidak berkehendak perusahaan lagi atau adakah pertubuhan ini telah mengambil tiap-tiap orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu ini menjadi ahlinya.

Jika masing-masing berfikir belum lagi menjadi seumpama itu, pada fahaman saya wajiblah tiap-tiap seseorang berikhtiar memperkemas dan menyuarakan supaya diadakan peraturan yang berkesan daripada yang sudah.

Lihat kepada pertubuhan-pertubuhan bangsa lain dalam Semenanjung ini, tiap-tiap satu berikhtiar memperkemas dirinya. Jika perbuatan dan langkah yang seumpama ini tidak dipandang, tidak diambil berat dan tidak disedari maka saya yakin sungguhpun ada semangat bersatu padu itu, tetapi oleh tiada kebolehnya maka Melayu Semenanjung ini akan tercicir jauh ke belakang dan tidak dapat mengejar kemajuan bangsa-bangsa lain yang ada dalam Semenanjung ini.

Saya tadi telah menyebut darihal merbahaya yang ada di sekeliling pinggang umat Melayu Semenanjung ini dengan tidak payah menyebut daripada pihak yang lain melainkan daripada pihak Melayunya sendiri.

Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu ini telah disifatkan oleh sebahagian daripada ahli-ahlinya sendiri seumpama sebuah badan yang mempunyai sepenuh-penuh kuasa, sepenuh-penuh kekuatan yang boleh menjalankan kerja-kerja yang ditanggungkan kepadanya dengan tak payah disokong lagi oleh ahli-ahlinya dan orang Melayu ramai.

Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu ini telah disifatkan sebagai sebuah kerajaan yang besar dan setengah-setengahnya menyifatkan lebih daripada U.N.O. sendiri. Pemandangan yang demikian itu adalah baik, tetapi hendaklah disertakan dengan sokongan dan bantuan segala hal.

Kita pada masa ini adalah hidup dalam zaman yang berubah daripada yang diketahui masa dahulu, iaitu zaman tiap-tiap manusia kecil besar yang faham mengambil bahagian bersama dalam hal ehwal penghidupan dan pemerintahan negeri-negeri.

Kedudukan itu adalah baik kerana tiap-tiap seseorang membuskan kehidupan tetapi hendaklah kita sedar akan tanggungan-tanggungan yang bersesuaian dengan kehendak-kehendak itu. Apakah tanggungan-tanggungan itu ialah yang pertamanya mengubah perangai dan sifat sendiri. Itulah yang sebenarnya tiap-tiap seorang

itu berkehendak memikul kerja-kerja, tanggungan dan kewajipan masing-masing tidak seperti yang sudah dengan semata-mata menyerahkan kerja-kerja itu kepada beberapa orang sahaja dan terkadang-kadang pula mencuba merobohkan orang diangkat oleh mereka itu sendiri.

Tabiat itu hendaklah diubah, digantikan dengan tabiat sedia bekerja memikul tanggungan dan kewajipan yang diletakkan kepada masing-masing.

Lihatlah bangsa-bangsa yang ada di dunia ini, tiap-tiap bangsa yang kuat itu ialah kerana umatnya itu berkehendak bekerja, berkehendak mendirikan sesuatu benda dengan sehabis-habis tenaga.

Maka hendaklah kita mengambil teladan daripada bangsa-bangsa lain bagi mendirikan, membaiki keadaan bangsa kita dengan tenaga dan kebolehan kita sendiri.

(Ucapan ditangguhkan di sini kerana wakil-wakil menyempurnakan fardu Jumaat.)

Sungguhpun mula-mulanya telah difikirkan dapat dikebumikan pada 1 Januari 1948 tetapi oleh difikirkan beberapa gendala berkenaan dengan kesiapan surat-surat dan lain-lain perkara lagi berkenaan dengan Persekutuan, maka telah dijangkakan akan mengambil masa yang lanjut sedikit dan Persekutuan Tanah Melayu itu dijangka akan berjalan pada 1 Februari.

Dengan terdirinya Persekutuan Tanah Melayu itu maka pekerjaan dan tanggungan pertubuhan ini, cara-cara pekerjaan dan tanggungan pertubuhan ini mahulah berlainan langkah hendaklah disusun dan diatur serta ditentukan langkah-langkah pertubuhan ini memajukan kehendak-kehendaknya dan memajukan ikhtiarnya.

Pihak pertubuhan ini akan menerangkan dalam sedikit masa lagi akan dasar-dasar pelajaran anak-anak Melayu, dasar-dasar iktisad bagi memperbaiki keadaan umat Melayu yang beratus-ratus ribu di dalam kampung itu. Begitu juga hendaklah diatur juga ikhtiar-ikhtiar iktisad dan penghidupan bangsa Melayu terutama di kampung-kampung itu.

Sebab saya katakan di kampung-kampung itu yang telah lalu ini hampir-hampir kesemuanya ikhtiar-ikhtiar yang dikehendaki dijalankan itu menepati orang dalam bandar-bandar kemudian baharulah tertumpah ke dalam kampung-kampung. Yang ke hadapan ini hendaklah diubahkan dan lebihkan ikhtiar bagi matlamat penduduk-penduduk kampung kerana di situlah pada pemandangan saya dan

Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja terletaknya pergantungan bangsa kita.

Selain dari itu ialah ikhtiar bagi mengatur dan menyusun pemuda-pemudanya bagaimana yang telah saya katakan pada pagi tadi. Pemuda-pemuda itu berharap kepada pertubuhan ini dan begitulah juga bangsanya itu berharap kepada pemuda-pemudanya maka yang demikian itu amatlah mustahak disusun, diatur dan dikemaskan supaya dapat mengikut peraturan masing-masing dan bersama-sama menggerakkan perusahaan bagi memajukan kehendak-kehendak kita.

Segala tujuan yang saya huraikan itu hendaklah dijalankan dengan tiada berlanjutan lagi, jika tidak nescaya ketinggalan jauh daripada dahulu.

Bagi mendapat tujuan-tujuan itu tidak ada lain daripada dikemaskan susunan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu ini bagi meluaskan serta memberi kuasa yang lebih penuh. Kita tidak boleh bercakap sahaja menyokong dengan tidak menggerakkan anggota kita.

Berkenaan dengan peraturan baharu itu akan dibahaskan sedikit hari lagi dan saya akan menjelaskan mengapa mustahak diadakan perubahan itu. Pada masa ke hadapan ini tatkala menjalankan Persekutuan Tanah Melayu itu umat Melayu ada wakilnya di dalam tiap-tiap negeri maka di situ terletak suatu tanggungan kepada tiap-tiap wakil juga setiap seorang Melayu yang mengangkat wakil-wakil ini bagi menjalankan faedah kerana bangsa dan tanah air.

Laporan kemudiannya dibuat secara tidak langsung.

Tentang wakil-wakil Melayu bagi menduduki kerusi-kerusi Majlis Mesyuarat akan datang, Dato' Onn berkata tiap-tiap seorang wakil yang menduduki Majlis-majlis Mesyuarat akan datang itu mestilah faham bahawa duduknya dia di situ bukan kerana dirinya tetapi oleh kerana faedah umatnya, kaum bangsa dan tanah airnya. Beliau percaya tiap-tiap seorang akan bermuafakat di antara seorang dengan yang lainnya supaya dengan cara demikian bolehlah berjalan dengan sempurna.

Dato' Onn mengucapkan terima kasih bagi pihak Jawatankuasa Kerja kerana tiap-tiap wakil telah menghadiri Majlis Agung dari semenjak hampir dua tahun terdirinya itu serta berharap masa akan tiba manakala segala pihak akan memandang kepada Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu sebagai mewakili umat Melayu yang beratus-ratus ribu di merata tempat dalam Semenanjung.